

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sebab mengapa Malaysia telah membuat reservasi 5 perkara dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak (*Convention on the Rights of the Child*) iaitu perkara 2, 7, 14, 28 (a) (1) dan 37 apabila menandatangani CRC pada 1995. Jika belum, bilakah Malaysia akan meratifikasi kelima-lima perkara ini.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah meratifikasi CRC sejak 17 Februari 1995. Sehingga kini, Malaysia masih mempunyai reservasi terhadap lima (5) Artikel iaitu Artikel 2 (tiada diskriminasi), 7 (isu nama dan kewarganegaraan), 14 (kebebasan berfikir, rasa hati dan beragama) 28(a)(1) (pendidikan rendah percuma kepada semua kanak-kanak) dan 37 (penyeksaan dan pelucut hak kebebasan).

Reservasi dibuat ke atas Artikel 2 kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan dan ketetapan dasar Kerajaan antaranya seperti hak dan keistimewaan kaum bumiputera, kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak dan kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan.

Reservasi dibuat ke atas Artikel 7 adalah berdasarkan kepada dasar Kerajaan mengenai pemberian taraf kewarganegaraan di mana pengecualian hanya boleh diberikan dalam hal-hal tertentu melalui permohonan. Pada masa ini, kanak-kanak di Malaysia mempunyai hak

untuk didaftarkan kelahirannya, hak terhadap suatu nama dan hak untuk mengetahui serta dijagai oleh ibu bapanya sekiranya keadaan mengizinkan.

Reservasi dibuat ke atas Artikel 14 kerana ianya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya.

Reservasi dibuat ke atas Artikel 28(1)(a) memandangkan hak untuk pendidikan wajib dan percuma di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan hanya terpakai kepada kanak-kanak warganegara Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun, akses kepada pendidikan di sekolah-sekolah Kerajaan untuk kanak-kanak warganegara asing dibenarkan kepada mereka yang mempunyai dokumen sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan dikenakan yuran yang ditetapkan.

Malaysia masih mempunyai reservasi ke atas Artikel 37 memandangkan masih terdapat hukuman rotan, hukuman penjara dan hukuman mati yang diperuntukkan di dalam Akta Kanak-Kanak 2001, Kanun Keseksaan, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 dan Akta Senjata 1960. Walau bagaimanapun, Akta Kanak-Kanak 2001

memperuntukkan bahawa hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan ke atas pesalah kanak-kanak yang telah disabitkan dengan kesalahan. Sebagai ganti hukuman mati, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya kanak-kanak tersebut ditahan dipenjara selama yang diperkenankan oleh YDPA atau Raja atau Yang diPertua Negeri mengikut bidangkuasa masing-masing.

Sungguhpun demikian, Kerajaan dari semasa ke semasa meneliti dan berusaha dalam menyediakan alternatif hukuman berorientasikan pemulihan dan pendidikan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah termasuk cadangan untuk menghapuskan hukuman rotan oleh Mahkamah Kanak-Kanak di dalam pindaan Akta Kanak-Kanak 2001.

Bagi memastikan usaha-usaha menarik balik reservasi yang dikekalkan tersebut secara berterusan, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Konvensyen Antarabangsa iaitu Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dengan dianggotai oleh kementerian/jabatan berkaitan termasuk SUHAKAM bagi meneliti cadangan kemungkinan untuk menarik balik reservasi terhadap beberapa artikel dalam konvensyen tersebut.